



Rujukan Kami : KATS.400-4/4/4 (29)
Tarikh : 26 Jun 2019

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

ARAHAN KETUA SETIAUSAHA MENGENAI PERATURAN DAN TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN RASMI BAGI KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, peraturan dan tatacara permohonan kelulusan ke luar negara atas urusan rasmi telah dijelaskan di bawah pekeliling-pekeliling berikut:

- (i). Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1984 - Menghadiri Persidangan/ Kursus/ Lawatan Rasmi/ Lawatan Persendirian Ke Luar Negeri;
- (ii). Pekeliling Perbendaharaan PP/PB2.4 - Perbelanjaan Bagi Perjalanan Atas Tugas Rasmi Keluar Negara;
- (iii). Pekeliling Perbendaharaan PP/PB3.1 - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan;
- (iv). Pekeliling Perbendaharaan PP/PK2.1 - Kaedah Perolehan Kerajaan; dan
- (v). Pekeliling Perbendaharaan PP/WP10.4 - Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Yang Ditubuhkan Di Bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957.

3. Dalam perkara ini, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah membuat semakan semula ke atas peraturan dan tatacara permohonan kelulusan ke luar negara atas urusan rasmi peringkat KATS bagi menambahbaik proses kerja dan melancarkan urusan mendapatkan

kelulusan Pegawai Pengawal KATS untuk menjalankan tugas rasmi di luar negara. Proses kerja permohonan kelulusan ke luar negara atas urusan rasmi yang telah ditambahbaik adalah sebagaimana Garis Panduan di **Lampiran 1**.

4. Pada masa sama, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga adalah dikehendaki untuk memberi perhatian ke atas perkara-perkara berikut semasa mengemukakan permohonan:

- (i). Semua permohonan kelulusan ke luar negara atas urusan rasmi yang menggunakan peruntukan Kerajaan sepenuhnya/ separa/ atas tajaan hendaklah dikemukakan ke KATS untuk pertimbangan Pegawai Pengawal;
- (ii). Permohonan kelulusan ke luar negara atas urusan rasmi hendaklah dikemukakan ke KATS **selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh perjalanan**;
- (iii). Bagi perjalanan ke luar negara yang memerlukan kelulusan khas Pejabat Belanjawan Negara (PBN)/ Bahagian Pengurusan Aset Awam (PAM) Kementerian Kewangan (MOF), permohonan hendaklah dikemukakan ke KATS **selewat-lewatnya tiga (3) minggu sebelum tarikh perjalanan**;
- (iv). Bagi perjalanan ke luar negara yang melibatkan urusan perolehan dan memerlukan kelulusan khas Bahagian Perolehan Kerajaan MOF, permohonan hendaklah dikemukakan ke KATS **selewat-lewatnya lapan (8) minggu sebelum tarikh perjalanan**;
- (v). Bagi permohonan yang tidak mematuhi tempoh masa penghantaran yang ditetapkan, Bahagian/ Jabatan/ Agensi dikehendaki mengemukakan justifikasi sebab-sebab kelewatan untuk pertimbangan Pegawai Pengawal;
- (vi). Bilangan pegawai yang dibenarkan mengiringi Ketua Delegasi bagi permohonan ke luar negara atas urusan rasmi adalah dua

- (2) orang sahaja. Sekiranya terdapat keperluan kehadiran lebih daripada tiga (3) orang, kelulusan khas daripada PBN, MOF hendaklah diperolehi terlebih dahulu melalui Pegawai Pengawal dengan dikepilkan justifikasi keperluan dan kepentingan kehadiran setiap pegawai berkaitan;
- (vii). Kekkerapan ke luar negara atas urusan rasmi yang dibenarkan adalah **tiga (3) kali setahun bagi Ketua Jabatan** dan **dua (2) kali setahun bagi lain-lain pegawai**. Sekiranya terdapat keperluan kehadiran melebihi had kekerapan yang ditetapkan, kelulusan khas daripada PBN, MOF hendaklah diperolehi terlebih dahulu melalui Pegawai Pengawal dengan dikepilkan justifikasi keperluan dan kepentingan kehadiran pegawai berkaitan;
- (viii). Bagi permohonan ke luar negara atas urusan rasmi yang berbentuk latihan seperti seminar/ persidangan/ bengkel dan dan lain-lain yang mana perbelanjaan kehadiran dibiayai menggunakan peruntukan Kerajaan, kehadiran hendaklah ditanggungkan selaras dengan langkah perbelanjaan berhemat. Walau bagaimanapun, sekiranya latihan tersebut bersifat teknikal dan tiada kepakaran di dalam negara, Bahagian/ Jabatan/ Agensi boleh mengemukakan permohonan untuk pertimbangan Pegawai Pengawal. Penyertaan terhadap kepada seorang pegawai sahaja serta dihadkan kepada sekali perjalanan sahaja dalam tempoh setahun;
- (ix). Pembiayaan perbelanjaan kehadiran ke luar negara atas urusan rasmi hendaklah mengikut peruntukan tahunan yang telah diluluskan kepada Bahagian/ Jabatan/ Agensi. Bahagian/ Jabatan/ Agensi dikehendaki menyusun keutamaan kehadiran ke mesyuarat/ persidangan luar negara mengikut peruntukan yang telah diluluskan tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab Bahagian/ Jabatan/ Agensi untuk memastikan mempunyai peruntukan yang mencukupi semasa mengemukakan permohonan;

- (x). Pegawai dibenarkan menjalankan tugas rasmi luar negara **hanya selepas mendapat kelulusan secara bertulis daripada Pegawai Pengawal**; dan
- (xi). Bahagian/ Jabatan/ Agensi dikehendaki sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemat dalam merancang dan menghadiri mesyuarat/ persidangan di luar negara. Keutamaan ke luar negara atas urusan rasmi adalah bagi program yang memberi impak kepada Negara dan sekiranya benar-benar perlu, bilangan delegasi hendaklah pada tahap minimum termasuk diwakili oleh wakil Kedutaan Malaysia di luar negara mengikut kesesuaian di mana mesyuarat/ persidangan berlangsung.

4. Arahan ini hendaklah dilaksanakan seiring dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pekeliling sepertimana di Perenggan 2(i) hingga Perenggan 2(v) di atas dan lain-lain arahan/ peraturan/ pekeliling yang berkuat kuasa. Arahan ini berkuat kuasa mulai dari 1 Julai 2019. Dengan berkuat kuasa Arahan ini, maka Surat Edaran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar rujukan NRE 400-4/4/4 Jld.2 (17) bertarikh 21 Disember 2016 adalah terbatal.

5. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK ZURINAH PAWANTEH)
✉ : zurinah@kats.gov.my

EDARAN DALAMAN

SUSK (YBM)

SUSK (YBTM)

TKSU (Tanah dan Sumber Asli)

TKSU (Air dan Pembedungan)

SUBK (Khidmat Pengurusan)

Setiausaha
Bahagian Perkhidmatan Air dan Pembedungan

Setiausaha
Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan

Setiausaha
Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi

Ketua Akauntan
Bahagian Akaun

Setiausaha
Bahagian Pembangunan

Setiausaha
Bahagian Mineral dan Geosains

Setiausaha
Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan

Setiausaha
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Setiausaha
Bahagian Pengurusan Maklumat

Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Pengarah
Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara

Ketua
Unit Undang-Undang

Ketua
Unit Audit Dalam

Ketua
Unit Integriti

Ketua
Unit komunikasi Korporat

Ketua
Unit Perancangan Strategik dan Antarabangsa

Ketua
Unit Petunjuk Prestasi Utama

EDARAN LUAR

Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
Jalan Sultan Salahuddin
50626 KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)
Blok Menara 4G3, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
Tingkat 11, Wisma JUPEM
Jalan Semarak
50578 KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
Ibu Pejabat JPSM
Jalan Sultan Salahuddin
50660 KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
KM 10, Jalan Cheras
56100 KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah
Ibu Pejabat Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)
Aras 8 dan 9, Menara PjH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Biokeselamatan (JBK)
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
Aras 1, Podium 2
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA

Pengarah
Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
Behrang
35950 Tanjung Malim
PERAK

Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Perhutanan Semenanjung Malaysia (FRIM)
Kepong
52109 KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
Lot 5337, Jalan Putra Permai
43300 Seri Kembangan
SELANGOR

Pengarah
Bahagian Bekalan Air (BBA)
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
62668 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP)
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
Tingkat 6-9, Blok Pejabat Mines 2
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
SELANGOR

Pengarah
Jabatan Bekalan Air Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 3, Pejabat Pengarah, Jalan Jumidar Buyung
87019 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
Aras Bawah, Prima Avenue 7
Block 3510, Jalan Teknokrat 6
63000 CYBERJAYA

Ketua Pegawai Eksekutif
Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)
Tingkat 24, Menara Multi Purpose Capital Square
No. 8, Jalan Munshi Abdullah
50100 KUALA LUMPUR

Ketua Pegawai Eksekutif
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)
Level 12, Jalan Dungun
Damansara Heights
50490 KUALA LUMPUR